

**KEMPEN PEROLEHAN KAD KREDIT UMUM ABC HLB 2.0
(TAWARAN KAD KREDIT PRINSIPAL)**

Dikemaskini pada 05 Januari 2023

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Kad Kredit Umum ABC HLB” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **16 September 2022** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **15 Januari 2023** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan di dalam ini atau diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada Pelanggan Baru Kepada Kad (“**Pemohon Baru**”) yang telah memohon, semasa Tempoh Kempen, sekurang-kurangnya satu (1) Kad Kredit HLD (“**Kad Layak**”) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah melalui saluran berikut:
 - (i) Cawangan HLB;
 - (ii) Jualan Terus HLB;
 - (iii) Perbankan Dalam Talian HLB Connect;
 - (iv) Laman Web Korporat Bank di www.hlb.com.my (“**Laman Web HLB**”);
 - (v) Pemasaran melalui Telefon; atau
 - (vi) Tablet Perkhidmatan Cawangan dan Jualan
 - (vii) Kedai Rasmi HLB Shopee (www.shopee.com.my/hongleongbank.os) (“**Kedai HLB**”).

Jadual 1: Kad-kad Layak bagi Kempen ini

Kad Layak	
KAD KREDIT VISA	KAD KREDIT MASTERCARD
Infinite P/Infinite/Infinite Doctor's Edition	Emirates World Elite
AirAsia Gold/Platinum	Emirates World
GSC Gold/Platinum	Emirates Platinum
Sutera Platinum	
WISE Gold	
Essential Gold	
I'm	
Gold	

2. Golongan berikut **TIDAK** dianggap Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB dan **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - (i) Pemegang Kad Prinsipal mana-mana kad kredit HLB sedia ada;
 - (ii) Pemohon NTC yang telah menyertai kempen perolehan kad kredit HLB yang lain dalam tempoh yang sama;
 - (iii) Pemegang Kad Kredit Prinsipal sedia ada yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk mana-mana Kad Layak) sebagai Pemegang Kad Prinsipal dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan itu;
 - (iv) Pemohon NTC yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum,

- (v) semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
Kakitangan HLB dan/atau HLISB sedia ada.
3. Bagi tujuan Kempen ini, semua permohonan Kad Layak oleh Pemohon NTC melalui saluran seperti mana diperuntukkan dalam Fasal 1 di atas semasa Tempoh Kempen (“**Pemegang Kad Layak**”) adalah tertakluk kepada kelulusan HLB dan semua permohonan mestilah diluluskan dengan jayanya selewat-lewatnya **31 Januari 2023**.

KAEDAH KEMPEN

4. Dengan syarat Fasal 3 di atas dipenuhi, Pemegang Kad Layak akan berhak menikmati tawaran-tawaran berikut:
- (a) **Pengecualian Fi Tahunan (“Pengecualian Fi Tahunan”)**
- (i) Pemegang Kad Layak, yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 4(b)(ii) di bawah) atau Pembayaran Bil (seperti ditakrif menurut Fasal 4(c)(ii) di bawah) dari sebarang jumlah untuk setiap Kad Layak diluluskan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak menikmati Pengecualian Fi Tahunan tahun pertama.
- (ii) Pemegang Kad Emirates World Elite, Emirates World dan Emirates Platinum akan berhak menikmati Pengecualian Fi Tahunan tanpa perlu memenuhi kriteria tersebut di atas dalam Fasal 4(a)(i).
- (b) **A – Pulangan Tunai 8% Aktifkan dan Belanja (Pulangan Tunai A)**
- (i) Pemegang Kad Layak yang telah mengaktifkan Kad Layak sebelum atau pada bulan pertama (seperti yang tertakluk di Jadual 2 di bawah) dan melakukan Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 4(b)(ii) di bawah) bulanan dari sebarang jumlah untuk tiga (3) bulan berturut-turut dalam **Tempoh Perbelanjaan Pulangan Tunai A** seperti yang tertakluk di Jadual 2 di bawah akan berhak menerima Pulangan Tunai 8% sebanyak maksimum Ringgit Malaysia Seratus Ringgit (RM100) sebulan untuk tiga (3) bulan berturut-turut (“Pulangan Tunai A”). Pulangan Tunai A maksimum dihadkan pada Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ringgit (RM300) untuk setiap Pemegang Kad Layak.

Jadual 2: Tempoh Perbelanjaan Pulangan Tunai A

Bulan Kelulusan Kad Layak	Bulan Pertama	Bulan Ke-2	Bulan Ke-3
16 – 30 September 2022	Aktifkan & Berbelanja sebelum/pada 30 November 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Disember 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Januari 2023
01 – 31 Oktober 2022	Aktifkan & Berbelanja sebelum/pada 31 Disember 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Januari 2023	Berbelanja sebelum/pada 28 Februari 2023
01 – 30 November 2022	Aktifkan & Berbelanja sebelum/pada 31 Januari 2023	Berbelanja sebelum/pada 28 Februari 2023	Berbelanja sebelum/pada 31 Mac 2023
01 – 31 Disember 2022	Aktifkan & Berbelanja sebelum/pada 28 Februari 2023	Berbelanja sebelum/pada 31 Mac 2023	Berbelanja sebelum/pada 30 April 2023
01 – 31 Januari 2023	Aktifkan & Berbelanja sebelum/pada 31 Mac 2023	Berbelanja sebelum/pada 30 April 2023	Berbelanja sebelum/pada 31 Mei 2023

- (ii) **Perbelanjaan Runcit** bermaksud sebarang pembelian runcit dan dalam

talian (termasuk arahantetap dan Pelan Bayaran Mudah 0% (“EPP”) yang dilakukan di dalam negara dan/atau luar negara (termasuk perbelanjaan yang dibuat dalam Ringgit Malaysia (“RM”) dan/atau mata wang lain) yang telah berjaya dicaj kepada Kad Layak. Pembelian runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berasaskan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.

- (iii) Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** yang berikut:
- (a) Pembayaran Bill seperti ditakrif menurut Fasal 4(c)(ii) di bawah
 - (b) pengeluaran wang tunai dengan apa-apa cara (iaitu Mesin Teler Automatik, melaluikaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.);
 - (c) produk portfolio seperti Pindahan Baki (“BT”), Quick Cash One-Time Fee, Quick Cash Monthly Interest dan Pelan Bayaran Fleksi (“FPP”);
 - (d) transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - (e) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.
- (iv) Jumlah peruntukkan Pulangan Tunai A adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Dua Juta Lima Ratus Enam Puluh Ribu (RM2,560,000) atas dasar siapa cepat, dia dapat sepanjang Tempoh Perbelanjaan Pulangan Tunai A seperti yang tertakluk dalam Jadual 2 di atas.
- (v) Tertakluk kepada jumlah peruntukkan dalam Fasal 4(b)(iv) di atas, sekiranya Pemegang Kad Layak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Fasal 4(b)(i) di atas, (“**Pemenang Pulangan Tunai A**”), Pulangan Tunai A akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Pemenang Pulangan Tunai A mengikut Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai A

Bulan Kad Layak Diluluskan	Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai A
September 2022	31 Januari 2023, 28 Februari 2023 & 31 Mac 2023
Oktober 2022	28 Februari 2023, 31 Mac 2023 & 30 April 2023
November 2022	31 Mac 2023, 30 April 2023 & 31 Mei 2023
Disember 2022	30 April 2023, 31 Mei 2023 & 30 Jun 2023
Januari 2023	31 Mei 2023, 30 Jun 2023 & 31 Julai 2023

- (vi) Pemenang Pulangan Tunai A akan dimaklumkan oleh HLB pada setiap bulan dengan cara penyiaran senarai Pemenang Pulangan Tunai A (i.e. nama-nama terlindung dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau jumlah pulangan tunai) di Laman Web HLB sebelum atau pada Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai A yang ditunjukkan di Jadual 3 di atas.
- (vii) Sekiranya Pulangan Tunai A tidak diterima, Pemenang Pulangan Tunai A hendaklah memaklumkan HLB dalam masa satu (1) bulan selepas tamat Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai A berkenaan, jika gagal berbuat demikian maka Pemenang Pulangan Tunai A dianggap telah menerima Pulangan Tunai A itu.

(c) B – Pulangan Tunai 8% Pembayaran Bil (Pulangan Tunai B)

- (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Pembayaran Bil (seperti ditakrif menurut Fasal 4(c)(ii) di bawah) bulanan dari sebarang jumlah untuk tiga (3) bulan berturut-turut dalam **Tempoh Perbelanjaan Pulangan Tunai B** seperti yang tertakluk di Jadual 4 di bawah akan berhak menerima Pulangan Tunai 8% sebanyak maksimum Ringgit Malaysia Seratus Ringgit (RM100) sebulan untuk tiga (3) bulan berturut-turut (“Pulangan Tunai B”). Pulangan Tunai B

maksimum dihadkan pada Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ringgit (RM300) untuk setiap Pemegang Kad Layak.

Jadual 4: Tempoh Perbelanjaan Pulangan Tunai B

Bulan Kelulusan Kad Layak	Bulan Pertama	Bulan Ke-2	Bulan Ke-3
16 – 30 September 2022	Berbelanja sebelum/pada 30 November 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Disember 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Januari 2023
1 – 31 Oktober 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Disember 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Januari 2023	Berbelanja sebelum/pada 28 Februari 2023
1 – 30 November 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Januari 2023	Berbelanja sebelum/pada 28 Februari 2023	Berbelanja sebelum/pada 31 Mac 2023
1 – 31 Disember 2022	Berbelanja sebelum/pada 28 Februari 2023	Berbelanja sebelum/pada 31 Mac 2023	Berbelanja sebelum/pada 30 April 2023
1 – 31 Januari 2023	Berbelanja sebelum/pada 31 Mac 2023	Berbelanja sebelum/pada 30 April 2023	Berbelanja sebelum/pada 31 Mei 2023

- (ii) **Pembayaran Bil** bermaksud transaksi pengebilan dalam kategori insurans, utiliti dan syarikat telekomunikasi menggunakan Kod Kategori Pedagang (“MCC”) serta transaksi JomPay seperti yang ditakrifkan berdasarkan penerangan transaksi “Bill Payments” seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 yang telah berjaya dicaj kepada Kad Layak.
- (iii) Pembayaran Bil **tidak termasuk** yang berikut:
- Perbelanjaan Runcit seperti ditakrif menurut Fasal 4(b)(ii) di atas
 - Pengeluaran wang tunai dengan apa-apa cara (iaitu Mesin Teler Automatik, melalui kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.);
 - produk portfolio seperti Pindahan Baki (“**BT**”), Quick Cash One-Time Fee, Quick Cash Monthly Interest dan Pelan Bayaran Fleksi (“**FPP**”);
 - transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

Jadual 5: Pembayaran Bil MCC

Category	Kod Kategori Pedagang (“MCC”) / Penerangan Transaksi
Insurans	6300, 5960
Syarikat Telekomunikasi	4813, 4812, 4814, 5968, 4900, 5734, 5399, 8999, 4816, 5967
Utiliti	4899, 4900, 4821, 4814, 9399, 5968
JomPay	Penerangan Transaksi “Bill Payments”

- (iv) Jumlah peruntukkan Pulangan Tunai B adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Empat Ratus Tiga Puluh Dua Ribu (RM432,000) atas dasar siapa cepat, dia dapat sepanjang Tempoh Perbelanjaan Pulangan Tunai B seperti yang tertakluk dalam Jadual 4 di atas.
- (v) Tertakluk kepada jumlah peruntukkan dalam Fasal 4(c)(iv) di atas, sekiranya Pemegang Kad Layak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Fasal 4(c)(i) di atas, (“**Pemenang Pulangan Tunai B**”), Pulangan Tunai B akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Pemenang Pulangan Tunai B mengikut Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai B

Bulan Kad Layak Diluluskan	Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai B
September 2022	31 Januari 2023, 28 Februari 2023 & 31 Mac 2023
Oktober 2022	28 Februari 2023, 31 Mac 2023 & 30 April 2023
November 2022	31 Mac 2023, 30 April 2023 & 31 Mei 2023
Disember 2022	30 April 2023, 31 Mei 2023 & 30 Jun 2023
Januari 2023	31 Mei 2023, 30 Jun 2023 & 31 Julai 2023

- (vi) Pemenang Pulangan Tunai B akan dimaklumkan oleh HLB pada setiap bulan dengan cara penyiaran senarai Pemenang Pulangan Tunai B (i.e. nama-nama terlindung dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau jumlah pulangan tunai) di Laman Web HLB sebelum atau pada Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai B yang ditunjukkan di Jadual 6 di atas.
- (vii) Sekiranya Pulangan Tunai B tidak diterima, Pemenang Pulangan Tunai B hendaklah memaklumkan HLB dalam masa satu (1) bulan selepas tamat Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai B berkenaan, jika gagal berbuat demikian maka Pemenang Pulangan Tunai B dianggap telah menerima Pulangan Tunai B itu.

(d) C - Pulangan Tunai RM25 Pendaftaran HLB Connect + Pulangan Tunai RM25 Rebat SST ("Pulangan Tunai C")

- (i) Pemegang Kad Layak yang merupakan pengguna Perbankan Dalam Talian HLB Connect atau Perbankan Mudah Alih HLB Connect ("**HLB Connect**"); ATAU pengguna baru yang telah mendaftar untuk HLB Connect dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak menerima Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) Pulangan Tunai C. Pulangan Tunai C terdiri daripada Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) dan Rebat cukai jualan dan perkhidmatan ("**SST**") Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) .
- (ii) Untuk mengelakkan keraguan, setiap Pemegang Kad Layak HANYA berhak menerima satu (1) Pulangan Tunai C sepanjang Tempoh Kempen.
- (iii) Peruntukkan Pulangan Tunai C adalah dihadkan setakat maksimum Ringgit Malaysia Lapan Ratus Ribu (RM800,000) atas dasar siapa-cepat, dia-dapat.
- (iv) Tertakluk kepada jumlah peruntukkan dalam Fasal 4(d)(iii) di atas, sekiranya Pemegang Kad Layak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Fasal 4(d)(i) di atas, ("**Pemenang Pulangan Tunai C**"), Pulangan Tunai C akan dikreditkan ke dalam akaun Pemenang Pulangan Tunai C mengikut Jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai C

Bulan Kad Layak Diluluskan	Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai C
September 2022	Sebelum/pada 28 Februari 2023
Oktober 2022	Sebelum/pada 31 Mac 2023
November 2022	Sebelum/pada 30 April 2023
Disember 2022	Sebelum/pada 31 Mei 2023
Januari 2023	Sebelum/pada 30 Jun 2023

- (v) Para Pemenang Pulangan Tunai C akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemenang Pulangan Tunai C (iaitu nama terlindung dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau kelayakan pulangan tunai) di Laman Web HLB sebelum atau pada Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai C yang ditunjukkan di

Jadual 7 di atas.

- (vi) Sekiranya Pulangan Tunai C tidak diterima, para Pemenang Pemenang Pulangan Tunai C hendaklah memberitahu HLB selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai C, jika tidak para Pemenang akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai C itu.

TERMA & SYARAT AM

- 5. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB:
 - (i) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak di Laman Web;
 - (ii) bersetuju semua rekod tarikh transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakam oleh sistem HLB dalam Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) bersetuju keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak;
 - (iv) bersetuju Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai A dan/atau Pulangan Tunai B dan/atau Pulangan Tunai C tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
 - (v) bersetuju mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S dan mengambil tindakan susulan dengan HLB jika mereka disenaraikan untuk kelayakan menerima Pulangan Tunai A dan/atau Pulangan Tunai B dan/atau Pulangan Tunai C;
 - (vi) memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan atau menyiarkan nama (dalam bentuk terlindung), nombor kad pengenalan (dalam bentuk terlindung), nombor Kad Layak (dalam bentuk terlindung), amaun Pulangan Tunai A dan/atau Pulangan Tunai B dan/atau Pulangan Tunai C di Laman Web HLB;
 - (vii) membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga HLB, M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482772-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn. Bhd (201001014145 (898379-U)) yang HLB anggap wajar bagi tujuan Kempen ini; dan
 - (viii) bersetuju menentukan semua Kad Layak diluluskan adalah sah, aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit sepanjang Tempoh Kempen dan di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai A dan/atau Pulangan Tunai B dan/atau Pulangan Tunai C. Bagi mengelakkan keraguan, jika Pemenang mempunyai lebih daripada 1 Kad Layak, Pulangan Tunai A dan/atau Pulangan Tunai B dan/atau Pulangan Tunai C akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Layak yang mempunyai bilangan transaksi yang terbanyak.

- 6. HLB berhak:
 - (i) melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai A dan/atau Pulangan Tunai B dan/atau Pulangan Tunai C jika berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai A dan/atau Pulangan Tunai B dan/atau Pulangan Tunai C atau tidak mematuhi T&S di dalam ini;
 - (ii) menggantikan Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai A dan/atau Pulangan Tunai B dan/atau Pulangan Tunai C di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya dengan cara menyiarkannya di Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal HLB;
 - (iii) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini melalui siaran di Laman Web HLB, atau apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal HLB tentang penambahan, pengguguran atau pindaan T&S atau

- penamatan Kempen ini; dan
- (iv) melucutkan kelayakan Pemegang Kad Layak daripada menerima Pengecualian Fi, Pulangan Tunai A dan/atau Pulangan Tunai B dan/atau Pulangan Tunai C yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit di luar maksud T&S ini, dengan cara atau corak yang HLB anggap luar biasa, di luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk mendapat faedah tak saksama ke atas Pemegang Kad Layak lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak.
7. HLB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan di pihak Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Kad Prinsipal tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
8. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Prinsipal HLB bersetuju Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika ada percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
9. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB akan diutamakan.
10. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
11. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Terma dan Syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.